

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
DI UPACARA PEMBUKAAN RASMI JABATAN UKUR
NEGERI MELAKA DI MELAKA
PADA 3 APRIL 1967**

Saya sangat sukacita dapat hadir sekali lagi di Melaka dan saya ucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri Melaka dan kepada Kementerian Kerjaraya, Pos dan Talikom dan Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian atas kesudiannya menjemput saya untuk membuka dengan rasminya Bangunan Jabatan Ukur ini.

Saya memang faham atas kedudukan Jabatan Ukur sebab tak berapa tahun dahulu Jabatan ini adalah di bawah jagaan Kementerian saya. Sungguh pun sekarang ini Jabatan Ukur dipindahkan ke Kementerian lain, saya memang sentiasa memerhatikan atas perjalanannya oleh sebab tugas-tugas jabatan ini adalah sangat penting di segi Pembangunan Negara dan Pertahanan.

Sungguh pun Negeri Melaka ini negeri yang kecil dan tidak begitu berpeluang hendak meluaskan pembangunan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini, saya selalu memandangi tinggi atas gerakan-gerakan penduduknya yang progressive. Tambahan pula di bawah panduan seorang Ketua Menteri yang bijak dan jujur tak payahlah saya datang melawat ke Negeri Melaka ini dengan sebegitu galak sungguh pun saya sentiasa ingin berbuat demikian.

Jabatan Ukur tidaklah begitu terkenal di kalangan orangramai seperti jabatan-jabatan lain, misalnya Jabatan Kerjaraya dan lain-lain Jabatan tetapi Jabatan ini adalah sentiasa memainkan peranan yang penting di segi Pembangunan Negara dan Pertahanan.

Di segi Pembangunan, peta-peta sangatlah mustahak bagi merancang apa-apa rancangan samada rancangan Tanah, jalanraya, hydro-elektrik dan lain-lainnya. Apabila sesuatu rancangan tanah hendak dimulakan, Jabatan-jabatan Ukur akan menyediakan peta rupabumi dan kemudian, bersama-sama dengan Jabatan-jabatan lain akan membuat penyiasatan di kawasan itu dengan teliti. Setelah itu baharulah Pejabat Perancang dapat menentukan di mana hendak diletakkan kawasan perumahan dan di mana kawasan tanaman. Pekerjaan mengukur akan terus dijalankan hingga geran-geran tanah tersebut dapat dikeluarkan.

Di segi Pertahanan, peta-peta sudah tentu menjadi keutamaan oleh sebab tiap-tiap gerakan bersenjata atau kawalan dalam negeri berkehendakkan peta yang baik.

Rancangan-rancangan tanah di Negeri Melaka ini nampaknya sangat berjaya dan mengikut jadual yang telah ditentukan dengan sebab kerjasama yang penuh yang telah diberi oleh Jabatan Ukur dan Iain-lain Jabatan. Satu daripada Rancangan Tanah itu (Kemendore) sangatlah terkenal dan telah jadi satu bahan peraga kepada pelawat-pelawat bukan sahaja dari dalam negeri bahkan dari luar negeri jua.

Dengan ini saya dengan sukacitanya mengisytiharkan pembukaan Bangunan Jabatan Ukur Negeri Melaka.